

NGO disaran adakan forum sedarkan lelaki

Oleh Mona Ahmad

KUALA LUMPUR, Ahad – Pertubuhan bu-
kan kerajaan (NGO) yang berkaitan wanita dan
kakitangan kerajaan disaran mengadakan ce-
ramah dan forum untuk dihadiri golongan le-
laki bagi menyedarkan mereka mengenai tang-
gungjawab terhadap wanita.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan In-
dustri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata NGO
berkenaan perlu menggembelng tenaga mem-
bela wanita daripada pelbagai masalah teruta-
ma penderaan.

Beliau berkata, kakitangan kerajaan misal-
nya setiap dua bulan sekali boleh mengadakan
ceramah mengenai perkara yang membabitkan
tanggungjawab bersama seperti kebubapaan dan
hak wanita kepada kakitangan lelaki.

“Kursus dan ceramah mengenai tanggung-
jawab terhadap wanita perlu diadakan bagi
meningkatkan kesedaran terhadap masalah yang
timbul.

“Kadangkala soal anak tidak lulus peperik-
saan pun boleh dijadikan sebab untuk mendera
isteri dengan alasan tidak tahu menjaga anak,”
katanya kepada pemberita selepas merasmikan

BH 20 MAR 2000
forum “Apa Yang Wanita Mahu”, di Hotel J
W Marriot, di sini, hari ini.

Turut hadir, Presiden Majlis Aids Malaysia,
Datin Paduka Marina Mahathir dan Ketua Pen-
garang Marie Claire Antarabangsa, Katie Breen.

Selain itu, Rafidah berkata NGO perlu be-
kerjasama untuk memastikan di mana masih
terdapat perkara yang luar biasa dari peratu-
ran sedia ada yang boleh mendatangkan mu-
darat kepada wanita.

“Hal seumpama ini perlu diketengahkan bagi
menyedarkan pihak berkuasa sama ada dari
peringkat pusat supaya membetulkan keadaan
ini,” katanya.

Katanya, kadangkala wanita tidak dapat pem-
belaan kerana tidak tahu mana hendak rujuk
dan sudah masanya pertubuhan wanita mem-
bantu mereka.

Selain itu, katanya wanita di negara ini ber-
untung kerana mendapat hak persamaan pel-
bagai aspek termasuk pekerjaan, gaji dan pen-
didikan.

“Di negara ini, wanita dikira beruntung ke-
rana tidak ada halangan untuk terus maju dan

bersaing dengan golongan lelaki dalam apa jua
bidang sekali pun,” katanya.

Tahun lalu saja, katanya 44.2 peratus dari-
pada sembilan juta tenaga kerja di negara ini
adalah daripada golongan wanita.

Rafidah berkata dalam membincangkan isu
wanita, keluarga dan masyarakat, ia tidak ha-
rus dipolitikkan oleh mana-mana pihak untuk
kepentingan mereka kerana ia adalah isu se-
rius.

Sementara itu, mengenai isu gaji minimum
yang diusulkan Kongres Kesatuan Sekerja
Malaysia (MTUC) baru-baru ini, Rafidah ber-
kata banyak perkara yang harus dikaji sebe-
lum melaksanakannya.

“Gaji setiap pekerja adalah berbeza, justeru
ia sukar untuk menentukan kadar yang mini-
mum.

“Di negara ini, gaji diberi mengikut penge-
luaran, kalau gaji tinggi tapi pengeluarannya
tidak setimpal negara akan rugi.

“Saya yakin majikan yang cerdik dan rasio-
nal pasti memberi imbuhan setimpal kepada
pekerjannya,” katanya.